

20 OCT 1998

MAHATHIR-BELANJAWAN/I

MAHATHIR BENTANG BELANJAWAN 1999 JUMAAT INI

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan Pertama akan membentangkan Belanjawan 1999 di Parlimen pada pukul 4 petang Jumaat ini, demikian menurut kenyataan Kementerian Kewangan hari ini.

Pembentangan Belanjawan itu akan disiarkan secara langsung oleh TV1, TV2 dan TV3, dan melalui laman perbendaharaan <http://www.treasury.gov.my>, tambah kenyataan itu.

Salinan Belanjawan itu akan diedarkan kepada awam selepas pukul 4 petang Jumaat ini di tingkat bawah Bangunan Perbendaharaan, Blok 9, Kompleks Kerajaan, Jalan Duta, di sini.

Sementara itu, Laporan Ekonomi 1998/99, juga boleh didapati di tempat dan masa yang sama dengan harga RM50 senaskhah.

Salinan laporan itu juga boleh diperolehi di Percetakan Nasional Malaysia Bhd, Jalan Chan Sow Lin, dan mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi Percetakan Nasional melalui talian 03-2212022.

-- BERNAMA

MR RI OS